EDISI JANUARI - APRIL 2026
BILANGAN 1

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

BERITA MyGDI

MENARIK DI DALAM

01

PLATFORM MyGOS MEMENANGI ANUGERAH **PINNACLE GEOINNOVATION MALAYSIA 2025**

03

KURSUS PENGENALAN GIS DAN PENGGUNAAN **APLIKASI MyGEOTRANSLATOR**

04

LATIHAN **PEMBANGUNAN DASHBOARD** PUSAT GEOSPATIAL NEGARA

SESI LIBAT URUS KAJIAN KESEDIAAN PROJEK PEMUSATAN PERKHIDMATAN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM (PGSA) BAGI ZON TENGAH

Sesi libat urus yang melibatkan kementerian, jabatan dan agensi dari zon tengah telah diadakan bagi mengenal pasti dan memperincikan keperluan bagi pelaksanaan Projek Pemusatan Perkhidmatan Geospatial Sektor Awam (PGSA).

Berita penuh di halaman 5.

PROGRAM FAMILIARISASI BAGI PROJEK PERKHIDMATAN PENGEMASKINIAN, VERIFIKASI DAN PEMBANGUNAN DATA GEOSPATIAL NEGERI JOHOR

5-6 JANUARI 2026 | JOHOR BAHRU

Program familiarisasi bagi projek perkhidmatan pengemaskinian, verifikasi dan pembangunan data geospatial negeri johor adalah untuk memberi pendedahan serta perkongsian pengetahuan berkaitan kaedah penawanan dan pengekstrakan data yang diguna pakai dalam pelaksanaan projek ini, termasuk aplikasi teknologi terkini dalam bidang geospatial.

LAWATAN AKADEMIK UNIVERSITI TERENGGANU MALAYSIA (UMT) KE PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)

12 JANUARI 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospatial Negara (PGN), NRES berbesar hati menerima lawatan akademik daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang melibatkan pelajar Program Sarjana Muda Sains (Geosains Marin), Fakulti Sains dan Sekitaran Marin. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai peranan, teknologi, serta pelaksanaan Program MyGDI dalam pengurusan data dan aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS).

MESYUARAT PENYELARASAN KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

13 JANUARI 2026 | PUTRAJAYA

Mesyuarat Penyelarasan Kolaborasi Strategik bersama Pusat Geospatial Negara (PGN). Sebagai penyelaras Program MyGDI, PGN menyambut baik inisiatif KKR dalam usaha memperkukuh pengurusan data jalan negara agar lebih berintegriti dan seragam.Perbincangan hari ini membuka ruang kerjasama teknikal serta penggunaan platform geospatial seperti MyGOS, ke arah pengurusan data jalan yang lebih tersusun, berautoriti dan menyokong perancangan berasaskan data. Semoga kolaborasi ini terus memberi impak positif kepada pembangunan infrastruktur jalan negara.

PLATFORM MyGOS MEMENANGI ANUGERAH PINNACLE GEOINNOVATION MALAYSIA 2025

22 JANUARI 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospatial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pinnacle GeoInnovation Malaysia 2025 anjuran Esri Malaysia. PGN telah mempertandingkan projek bertajuk Platform MyGOS: Driving National Integration for Geospatial Innovation Towards Sustainable Development in Malaysia. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan kepada agensi kerajaan dan swasta yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam inovasi geospatial serta penggunaan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS).

LAWATAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) DAN UNIVERSITAS PAKUAN, INDONESIA KE PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)

23 JANUARI 2026 | PUTRAJAYA

Lawatan Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dan Universitas Pakuan, Indonesia ke Pusat Geospatial Negara (PGN) yang dihadiri oleh pensyarah dan pelajar. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan mengenai peranan dan fungsi PGN dalam penyelarasan serta pembangunan Infrastruktur Data Geospatial Negara (MyGDI), di samping perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam aplikasi data geospatial bagi perancangan dan pembangunan negara.

SESI PENTAULIAHAN SIJIL PEROLEHAN PERKHIDMATAN, PENGEMASKINIAN, VERIFIKASI DAN PEMBANGUNAN DATA GEOSPATIAL

26 JANUARI 2026 | PUTRAJAYA

Sesi pentauliahan ini diadakan sebagai pengiktirafan rasmi terhadap kejayaan pelaksanaan projek perolehan perkhidmatan yang melibatkan kerja-kerja pengemaskinian, verifikasi serta pembangunan data geospatial bagi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Pusat Geospatial Negara (PGN) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada pihak kontraktor atas komitmen, kepakaran teknikal serta kerjasama erat yang telah diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan projek ini.

LAWATAN TEKNIKAL JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) KE PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)

03 FEBRUARI 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospatial Negara (PGN), NRES merakamkan penghargaan atas kunjungan delegasi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam sesi lawatan teknikal. Lawatan ini bertujuan memperkukuh kerjasama strategik antara agensi kerajaan dalam memacu agenda pendigitalan negara melalui pemerkasaan geospatial. Sesi ini turut memberi fokus kepada perkongsian pengetahuan berkaitan infrastruktur Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS), yang menyokong pelaksanaan MyGDI.

KUNJUNGAN UNIT PADU, KEMENTERIAN EKONOMI KE PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)

04 FEBRUARI 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospatial Negara (PGN), NRES telah menerima kunjungan kerja daripada Unit Pangkalan Data Utama (PADU), Kementerian Ekonomi yang diketuai oleh Puan Noraliza binti Mohamad Ali, Pengarah Unit PADU. Lawatan ini membuka ruang perbincangan mengenai potensi kerjasama dalam perkongsian data geospatial dan integrasi data GIS. Perbincangan ini selari dengan peranan PGN melalui platform MyGDI dan MyGOS, serta PADU sebagai pengurus data sosioekonomi penduduk.

KURSUS PENGENALAN GIS DAN PENGGUNAAN APLIKASI MyGEOTRANSLATOR KEPADA PEGAWAI DARIPADA KEMENTERIAN EKONOMI

09 FEBRUARI 2026 | PUTRAJAYA

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai dan kakitangan di Kementerian Ekonomi mengenai pengenalan kepada Sistem Maklumat Geografi (GIS) serta sistem koordinat yang digunakan di Malaysia. Peserta turut didedahkan kepada penggunaan aplikasi MyGeoTranslator, yang membolehkan pemprosesan data geospatial secara atas talian, termasuk penukaran format data, transformasi sistem koordinat, penukaran struktur data mengikut piawaian MS1759, geocoding serta penggunaan fungsi Map Viewer.

KURSUS PENGURUSAN MAKLUMAT GEOINFORMATIK ANJURAN KEMENTERIAN EKONOMI

11 FEBRUARI 2026 | PUTRAJAYA

Kementerian Ekonomi melalui Unit Pangkalan Data Utama (PADU) dan Bahagian Sumber Manusia telah menganjurkan Kursus Pengurusan Maklumat Geoinformatik melibatkan pegawai-pegawai dari pelbagai bahagian di bawah kementeriannya. para peserta kursus telah didedahkan dengan pembangunan aplikasi GIS melalui Platform Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS) bersama tenaga pengajar dari Seksyen Aplikasi GIS, Cawangan Aplikasi Geospatial, PGN iaitu Encik All Imran bin Mohd Nor, Encik Mohamad Syukri bin Haron dan Puan Azura binti Ismail.

PGN@HERE : POWERING DECISION WITH LOCATION

12 FEBRUARI 2026 | PUTRAJAYA

Perkongsian Sr Juzaila binti Abd. Satar, Timbalan Pengarah, Cawangan Pembangunan Geodata dan Penyelidikan, PGN yang bertajuk “From Location Data to National Decision” sempena seminar yang dianjurkan oleh Spatialworks Sdn. Bhd. dengan kerjasama HERE. Seminar ini menjadi perkongsian teknologi terkini berkaitan data geospatial oleh HERE yang menghimpunkan pemain industri geospatial berkaitan.

FEBRUARI 2026

MESYUARAT SEMPENA LAWATAN PENANDA ARAS KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN PEMBANGUNAN BANDAR (MUDeNR) SARAWK KE PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)

12 FEBRUARI 2026 | PUTRAJAYA

Seramai 26 orang delegasi Jawatankuasa Penamaan Geografi Negeri (JPGN) Sarawak, yang diketuai oleh Puan Jacqueline George Paou dari Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR) Sarawak, telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Geospatial Negara (PGN), NRES untuk mendapatkan perkongsian dalam proses penamaan geografi serta menyokong usaha kajian semula Garis Panduan Penamaan Geografi Negeri Sarawak agar selaras dengan standard nasional.

BENGKEL PENGESAHAN DATA BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGEMASKINIAN, VERIFIKASI DAN PEMBANGUNAN DATA GEOSPATIAL NEGERI JOHOR UNTUK PUSAT GEOSPATIAL NEGARA

09-12 FEBRUARI 2026 | JOHOR

Satu bengkel pengesahan data Point of Interest (POI) Negeri Johor dengan kerjasama BPEN Johor dan PLANMalaysia Johor bagi menjalankan kerja-kerja pengesahan dan semakan kualiti data geospatial POI bersama dengan agensi-agensi Kerajaan di Negeri Johor bagi menghasilkan data geospatial yang berkualiti, tepat, terkini dan diperakui oleh custodian data. Seramai 43 pegawai telah hadir dan memberi komitmen terhadap kerja-kerja pengesahan dan semakan kualiti data yang dijalankan.

LATIHAN PEMBANGUNAN DASHBOARD PUSAT GEOSPATIAL NEGERA

11 FEBRUARI 2026 | PUTRAJAYA

Sesi latihan ini adalah melibatkan peserta daripada kalangan pegawai dan kakitangan PGN dan dianjurkan oleh Seksyen Portal dan Multimedia, Pusat Geospatial Negara (PGN). Latihan ini direka khusus untuk memenuhi keperluan PGN dalam membangunkan dashboard pemantauan laporan yang komprehensif, interaktif dan profesional. Peserta akan mempelajari keseluruhan proses pembangunan dashboard dari peringkat asas termasuk sambungan data, reka bentuk layout, visualisasi interaktif dan best practices untuk sektor awam. Latihan ini telah disampaikan oleh Puan Mazlita binti Mat Hassan selaku tenaga pengajar profesional daripada Syarikat Unoya Sdn. Bhd.

FEBRUARI 2026

MESYUARAT PEMBENTUKAN SISTEM PENENTUAN SEMPADAN MARITIM NEGARA OLEH UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) BERSAMA PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)

25 FEBRUARI 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospatial Negara (PGN), NRES berbesar hati menerima delegasi dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang diketuai oleh YBrs. Profesor Ts. Dr. Mohamad Rosni bin Othman.Kunjungan ini bertujuan untuk menjalin kerjasama dalam pembangunan Sistem Penentuan Sempadan Maritim negara. PGN komited menyokong pembangunan aplikasi geospatial secara kolaborasi seterusnya meningkatkan kompetensi teknikal melalui kerjasama strategik dengan agensi.

MAC 2026

SELAMAT BERSARA DAN TERIMA KASIH YBHG. DATUK DR. CHING THOO A/L KIM, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

03 MAC 2026 | PUTRAJAYA

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sepanjang meneraju kementerian ini serta perkhidmatan awam. Jasamu dikenang, budimu tak terbilang, semangatmu dijulang, kepimpinanmu gemilang. Setinggi-tinggi terima kasih juga atas sokongan YBhg. Datuk Dr. kepada Program MyGDI yang berperanan sebagai peneraju dan penyelaras perkongsian maklumat geospatial di peringkat negara.

MESYUARAT PEMBANGUNAN GEOSPATIAL BAGI SISTEM PENGURUSAN BANTUAN KEBAJIKAN, JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

06 MAC 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospatial Negara (PGN), NRES berbesar hati menerima kunjungan delegasi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang diketuai oleh YBrs. Ts. Hazliana binti Talha, Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat. Sesi ini memberikan ruang kepada perbincangan berkaitan pembangunan dan penggunaan teknologi geospatial dalam pengurusan bantuan kebajikan kepada masyarakat. Inisiatif ini diharap dapat membantu meningkatkan kecekapan agihan bantuan melalui pendekatan berasaskan data dan lokasi.

SELAMAT DATANG DAN TAHNIAH YBHG DATUK WIRA ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN

09 MAC 2026 | PUTRAJAYA

Warga Pusat Geospatial Negara (PGN) mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada YBhg. Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainudin atas pelantikan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) berkuatkuasa 9 Mac 2026. Semoga dapat menjalankan amanah dengan penuh dedikasi dan komitmen dalam memperkukuh pengurusan sumber asli serta pemeliharaan alam sekitar melalui Program MyGDI secara mampan demi kesejahteraan bersama.

SESI LIBAT URUS KAJIAN KESEDIAAN PROJEK PEMUSATAN PERKHIDMATAN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM (PGSA) BAGI ZON TENGAH

02 APRIL 2026 | PUTRAJAYA

Satu sesi libat urus yang melibatkan kementerian, jabatan dan agensi dari zon tengah telah diadakan bagi mengenal pasti dan memperincikan keperluan bagi pelaksanaan Projek Pemusatan Perkhidmatan Geospatial Sektor Awam (PGSA). Projek pemusatan bertujuan mengoptimumkan penggunaan infrastruktur dan infostruktur geospatial disokong oleh polisi, dasar, pelan pembangunan kompetensi serta tadbir urus yang menyeluruh dan sistematik.

MESYUARAT KUMPULAN KERJA MULTI-LINGUAL GLOSSARY OF TERMS (KKMLGT) MAKLUMAT GEOGRAFI / GEOMATIK BILANGAN 1 TAHUN 2026

09 APRIL 2026 | PUTRAJAYA

Kumpulan Kerja Multi-Lingual Glossary of Terms (KKMLGT) Maklumat Geografi/Geomatik diwujudkan untuk menterjemah dan menentukan bidang serta sub bidang istilah-istilah Multi-Lingual Glossary of Terms (MLGT) berdasarkan dokumen ISO/TC 211 MLGT - Release 5 Terminological Records dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Hasil terjemahan akan diterbitkan dalam laman sesawang Geolexica, laman sesawang MyGeoportal dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) untuk rujukan umum.